



Anwar berucap pada Konvensyen Kerajaan Perpaduan Negeri Perak 2024 di Pusat Konvensyen Casuarina, Ipoh, semalam.

(Foto L Manimaran/BH)

Tiada niat jejas nasib Melayu: PM

Langkah sudah lama dikaji, skim baharu diperkenalkan elak negara muflis

Oleh Muhammad Zulsyamini
Suffian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyangkal dakwaan pengambilan penjawat awam baharu tanpa pencen akan menjejaskan nasib orang Melayu yang menjadi majoriti dalam perkhidmatan itu.

Perdana Menteri berkata, langkah itu sebaliknya sudah lama dikaji untuk menggantikan skim sedia ada bagi mengelakkan negara daripada risiko muflis dan memberi masalah kepada generasi akan datang.

"Ada pembangkang hendak gunakan (isu pencen). Dia lupa dahulu dia juga (berada) dalam Jemaah Menteri dan dia juga sudah luluskan sebelum ini.

"Ia (kajian pemansuhan pencen) bukan baharu kerana sudah puluhan tahun dikaji, seingat saya sejak tahun 90an dahulu, namun tiada (pihak) yang mempunyai kekuatan dan tekad untuk buat (pelaksanaan).

"Kritikan dia tidak jawab, dia kata pencen menyeksakan orang Melayu dan ini cadangan DAP untuk menyiksa Melayu. Ia tak pernah dibicara dengan fakta serta data dan inilah masalah di negara ini, tanggung agama," katanya.

Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) berkata de-

mikian ketika menyempurnakan ucapan perasmian penutup Konvensyen Kerajaan Perpaduan Negeri Perak 2024 di Pusat Konvensyen Casuarina, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN); Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad yang juga Pengerusi BN Perak; Pengerusi Pakatan Harapan Perak, Datuk Seri Mujahid Yusof dan Naib Pengerusi DAP Nga Kor Ming.

Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH), berkata sistem pencen juga tidak lagi di-amalkan oleh sebahagian negara maju.

Kena terima hakikat

Beliau turut mengingatkan ahli politik perlu menerima hakikat yang selepas ini mereka juga tidak mempunyai pencen.

"Saya tak bersetuju dengan pandangan bahawa orang politik kita perlu dikecualikan (dari skim pencen). Maknanya, yang akan jadi calon pilihan raya akan datang harus terima kenyataan bahawa skim mereka tak termasuk pencen.

"Kalau dengan sebab ini (tiada skim pencen) tak setuju jadi calon, baik ia okay. Kalau kata menteri pun tak hendak jadi (sebab tiada pencen), itu pilihan kita. Tetapi seperti biasa kita akan bincang mengenainya secara lebih terperinci dalam Jawatankuasa Persaraan sebelum dibawa ke Kabinet," katanya.

Anwar berkata, bagi wakil rakyat yang sudah menerima lebih daripada satu skim pencen, menjadi tanggungjawab moral mereka untuk memilih semula hanya

satu skim pencen dan perkara itu juga dilakukan isterinya sendiri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

"Katakan ada pencen sebagai mantan pegawai kerajaan, sebagai mantan menteri yang juga mantan Ahli Parlimen, yang juga mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); maksudnya ada tiga atau empat pencen maka saya katakan dari segi moral pilih satu sahaja dan ini, termasuk Wan Azizah.

"Wan Azizah ada pencen sebagai doktor kerajaan, sebagai ADUN Selangor serta sebagai Ahli Parlimen; dan tentunya beliau sebagai seorang yang bertanggungjawab, sudah maklumkan pada saya pagi tadi (semalam), yang dia akan pilih hanya satu pencen," katanya.

Anwar berkata, pemansuhan skim pencen penjawat awam sudah semestinya juga akan menyebabkan kadar gaji sedia ada yang diterima meningkat apabila adanya komitmen dari kerajaan untuk memperbaiki kadar upah dan gaji selepas 12 tahun tanpa sebarang penilaian.

"Sudah 12 tahun penjawat awam bekerja, namun tiada penilaian dan komitmen untuk memperbaiki kadar upah dan gaji mereka. Kita sudah memutuskan walaupun ada kekangan kewangan, kerajaan bertanggungjawab menilai menaikkan (gaji) mengikut keupayaan kita dengan hutang yang besar.

"Harus ada komitmen untuk meningkatkan kadar upah penjawat awam negara kita tetapi kita kena faham juga tentunya (kenaikan) tidak harus terlalu tinggi kerana akan membebankan ekonomi negara," katanya.